

**Malaysia Di Kalangan 10 Ekonomi Utama Dengan Wanita Di Pengurusan Kanan Bernama
7 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama)-- Malaysia masih lagi berada di kalangan 10 ekonomi teratas dengan kaum wanita memegang kedudukan kanan meskipun terdapat sedikit kejatuhan iaitu 28 peratus daripada 30 peratus tahun lepas, demikian menurut Laporan Perniagaan Antarabangsa (IBR) Grant Thornton.

Rusia muncul sebagai negara dengan proposisi wanita paling tinggi dalam pengurusan kanan iaitu 48 peratus, diikuti oleh Botswana, Thailand dan Filipina, semuanya 39 peratus.

SJ Grant Thornton dalam satu kenyataan berkata jawatan yang paling banyak dipegang oleh kebanyakan wanita di Malaysia ialah Pengarah Sumber Manusia (20 peratus), Ketua Pegawai Kewangan (10 peratus) dan Pengarah Kewangan yang lain (sembilan peratus).

Ini diikuti oleh Ketua Pegawai Operasi dan Pengurus Besar/Pejabat (kedua-duanya lapan peratus) dan hanya enam peratus perniagaan yang dikaji selidik, dilaksanakan oleh ketua pegawai eksekutif wanita.

Bagaimanapun, IBR maklum yang 21 peratus daripada kaji selidik perniagaan tidak mempunyai wanita dalam pihak pengurusan lembaga mereka.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650655>